



# MIMPI SEORANG PENGARANG NOKTURNAL

**S**ebelun munculnya Karl Ove Knausgaard, pendedahan kita tentang sastera Norway hanya terbatas pada karya Henrik Ibsen dan Knut Hamsun. Kejayaan *My Struggle* mencipta fenomena antarabangsa telah membuka pintu yang lebih luas untuk karya Norway diterjemahkan ke pelbagai bahasa. Kini, nama seperti Per Petterson, Stig Sæterbakken, Dag Solstad, Jon Fosse dan Gunnhild Øyehaug mula masuk ke dalam perbincangan para pengkritik dan peminat sastera dunia. Barangkali Tor Ulven ialah nama yang agak terpinggir dalam senarai ini kerana hanya satu novelnya diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris, iaitu *Replacement*. Nama Ulven sering muncul dalam novel enam judul Knausgaard dan ada sebab mengapa tulisannya sangat dikagumi oleh pengarang muda di Norway.

*Replacement* bermula dengan jendela di sebuah kamar. Kita melihat cahaya keluar masuk melalui langsir yang menarinarikan mengikut desir angin. Cahaya dan gelap: perbezaan antara dunia di luar jendela dengan dunia di dalam kamar. Ulven belum memperkenalkan wataknya. Kita hanya melihat dan mendengar sebuah kamar berbisik dengar bayang.

Selain novel, Ulven juga menulis puisi, maka tidak hairanlah jika prosanya padat dengan kalimat dan metafora yang berlikir. Kita melihat dan bergerak dalam novel ini melalui mata seorang lelaki tua yang tidak dinyatakan namanya. Ternyata dia bukan sahaja memiliki mata seorang penyair, tetapi juga mata seorang nokturnal. Dia melihat dengan memejamkan mata. Dia hidup dalam kegelapan seperti seekor kelawar kerana hanya dalam kegelapan dia boleh bermimpi dan mengenang masa lalu. Bunyinya memang kedengaran murung dan dingin buat pembaca kita di sini; namun bahasa Ulven sentiasa halus dan lembut

ketika mengungkapkan rasa asing dalam diri manusia apabila kita bersendirian di tengah malam.

*Replacement* tidak menawarkan jalan mudah kepada pembaca. Kita harus bersabar mengikuti naratifnya yang melompat-lompat seperti kita harus bersabar mendengar orang tua berceletoh. Angan-angan dan ledakan memori lelaki ini boleh datang mengejut tanpa sebarang pengenalan. Misalnya, di satu perenggan kita melihat lelaki itu sedang sibuk menanggalkan butang baju, kemudian di perenggan seterusnya kita melompat ke zaman dia masih budak (dan kita tidak tahu jika kita masih di kamar sama atau berada di kamar lain).

Namun di sebalik segala mimpi dan angan-angan ini, Ulven tidak pernah memisahkan pembacanya dengan kehidupan. Sebagai novelis, Ulven berminat dengan aktiviti harian protagonisnya. Kita mendapat tahu, lelaki ini pernah bekerja sebagai pengawal keselamatan gudang, dan Ulven melukiskan rutin kerjanya dengan sangat terperinci dan bersungguh-sungguh.

Lebih intim dan melucukan ialah aktiviti si lelaki di dalam kamar. Ketika dia hendak mengambil selipar di bawah katil, dia terpaksa menggunakan penggantung baju sebagai bantuan, dan di sini Ulven membandingkan kaedah protagonisnya dengan kaedah seekor monyet yang menggunakan kayu untuk menjolok sarang semut (suatu perbandingan sengaja dan komikal). Satu lagi babak yang tidak boleh dilupakan, ketika si protagonis termenung di dalam kamar dan fikir cara terbaik untuk bangun dan menutup suis lampu:

*"Pistol angin. Kauboleh guna pistol angin untuk tembak kacang peas (atau lebih baik, bola besi) dari atas katil sehingga kaucekap menembak, sehingga tembakankau pasti kena setiap kali, atau lebih masuk akal, mengena, butang suis setiap kali; aduhai, masalahnya, siapa nak kutip semua kacang itu (atau bola besi) kemudian?"*

Selain itu, novel ini juga sarat dengan senarai barang harian. Misalnya, barang di sebuah kedai runcit:

*"Kautahu kautidak mahu membeli tutup hub, penutup cermin, span, pengikis ais, kotak kecemasan, segi tiga kecemasan, rantal, pengecas bateri, penyapu atap, cermin sisi, pembalut kerusi, pelindung cermin, stereng, tin minyak, jack, atau peralatan membaiki ekzos, oh tidak, tapi kaujuga tidak mahu membeli susu, majalah porno, pemutar skru Phillips, keju Swiss, sekatok coklat, sos epal, gergaji, ais krim, karpet bulu harimau, set badminton, komik, rantal kunci, pen, mug kopi, surat, lampu picit, krim beras, kerang, buah limau, tembakau, topi bola lisut, atau gula-gula berangin."*

David Winters, dalam buku kritiknya berjudul *Infinite Fictions*, menyebut bahawa membaca *Replacement* "tidak rasa seperti membaca novel, tetapi lebih kepada mendengar gema suara alam semesta." Dari manakah gema ini melantunkan bunyi? Kegelapan dan kematian. Ulven tidak menyebut kematian sesiapa secara jelas, tetapi sepanjang kita membaca novel ini, kita akan menemui kelibat seorang wanita yang kita percaya mempunyai hubungan penting dengan watak si lelaki.

Penulis mencipta watak dan watak itu diberikan kebebasan untuk bergerak dan berkata-kata dalam dunianya. Adakah watak jelmaan peribadi penulis yang menciptanya? Sudah tentu tidak. Penulis hanya boleh menulis dalam kesepian tanpa gangguan daripada suara peribadi. Kita percaya Ulven mencipta watak orang tua ini untuk memberikan jarak dan kebebasan kepada dirinya untuk bernafas dan juga membina hubungan dengan alam melalui metafora. Berdasarkan pengalaman dan rutin harian si protagonis, barangkali ada pembaca yang akan mempertikaikan kebolehan puitis ini, apatah lagi merenung dan berfikir panjang tentang sisi-sisi gelap dalam kehidupan. Ya, kita harus akui, inilah risiko (dan juga masalah) apabila

seorang penyair cuba menulis novel. Ada yang gagal menyesuaikan diri (Sapardi dan Afrizal Malna misalnya). Tetapi ada juga yang menggunakan kelebihan itu untuk menjahit benang naratif yang halus dan indah seperti Takashi Hiraide lakukan dalam novel nipisnya berjudul *The Guest Cat*. Dalam hal ini, pencapaian Tor Ulven sebagai novelis berada di tengah-tengah. Ada ketika kita bersedia untuk membenarkan protagonisnya merenung dan bermimpi; namun ada ketika fikirannya melayang terlalu jauh dan kita sebagai pembaca pun meraba-raba dalam gelap.

*Replacement* ialah novel yang merayakan kehidupan, tetapi Ulven melihat kehidupan bukan seperti Vladimir Nabokov yang memburu kebahagiaan, atau seperti Robert Walser yang ingin menghilangkan diri. Ulven merayakan kehidupan dengan menerima hakikat kematian. Inilah kebenaran yang pasti berlaku pada setiap manusia dan protagonis Ulven menyedarinya, walaupun dia masih mengenang dan berharap kekasihnya akan kembali. Segala mimpi dan memori masa lalu membuat protagonis kita berduka akan "kehidupan yang tidak pernah dikecapi sepenuhnya; bukan sebab marah atau gelisah bahawa suatu hari nanti kautidak akan merasa apa-apa (semakin kautea, semakin kauberani menghadapi maut), tetapi sebab kaubelum merasai semuanya, seolah-olah kaubelum betul-betul mengenal hidup."

Apabila kita melihat kembali sejarah penulisan novel, ada banyak sekali novel hebat yang pernah ditulis tentang hari-hari tua. *Don Quixote* karangan Miguel de Cervantes boleh dianggap sebagai nyanyian selamat tinggal seorang lelaki tua kepada usia dan impian masa mudanya. Siapa boleh lupa detik-detik kematian Ivan Ilych dalam novel lewat karangan Leo Tolstoy? Negara kita juga kaya dengan novel-novel sebegini: *Tunggal-tunggal Gerigis, Hari-hari Terakhir Seorang Seniman, Seorang Tua di Kaki Gunung*, dan sebagainya. Ketika Sasterawan Negara, Anwar



Ridhwan menulis novel pertamanya yang terkenal itu, beliau masih muda, namun memilih untuk bercerita tentang seorang penglipur lara yang tua. Justeru, kenapa novelis sering berminat dengan subjek ini? Salah satu sebabnya mungkin misteri kematian dan bagaimana seseorang harus menghadapinya. Setiap kali kita berdepan dengan puisi Chairil Anwar, kita pasti akan rasa bahawa baris-baris yang beremosi ini dikarang oleh seorang penyair yang sedang bertarung dengan kematian. Hal sama juga boleh dikatakan tentang *Replacement*. Ada emosi berat yang tergantung di tengah-tengah karya ini ibarat menara jam di tengah-tengah bulatan jalan raya. Walaupun naratif dan fikiran protagonis Tor Ulven melompat ke merata tempat, emosi kita sebenarnya berputar dalam bulatan sama. Kita hanya menunggu masa untuk menara jam itu berdeting.

Stig Sæterbakken menyebut aura gelap dalam novel Tor Ulven sebagai *Ulvnesque*. Bagi pembaca dari luar Norway, kita tidak akan dapat mentafsir maksud sebenar adjektif ini. Kita terpaksa menunggu sehingga karya-karyanya yang lain diterjemahkan.

Emily Dickinson pernah tulis bahawa kebenaran harus disampaikan secara “menyendeng” kerana kalau kebenaran terlalu jelas dan langsung, “semua orang akan menjadi buta” akibat panahan cahaya. Tidak ada kebenaran yang lebih menakutkan manusia daripada kematian. Kita boleh cuba menepisnya (seperti Dickinson sarankan) namun lambat-laun kita akan terpaksa belajar menghadapinya juga seperti protagonis *Replacement*. Mungkin berlebihan untuk kata tulisan Tor Ulven akan membuat anda lebih berani. Lagipun *Replacement* hanya sebuah novel; buku untuk dibaca sebelum tidur dan perlahan-lahan sorok masuk ke bawah bantal ketika mata masih boleh menangkap remang-remang cahaya di jendela. ■